MUET/PS1/MAC/13 | | | |

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

BORANG PERMOHONAN RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN UJIAN MUET SESI MAC TAHUN 2013

(*potong yang tidak berkenaan)

1. **ARAHAN DAN PANDUAN KEPADA CALON**

(*a*) Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Ujian MUET Sesi Mac Tahun 2013 akan dibuka mulai **6 Mei hingga 14 Mei 2013**. Rayuan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut akan **ditolak**.

(*b*) Perkara **2 hingga 4** dalam borang ini hendaklah diisi dengan betul dan lengkap. Permohonan yang tidak lengkap dan bayaran yang tidak mencukupi akan menyebabkan kelewatan terhadap pemprosesan permohonan ini.

(*c*) Sertakan salinan keratan keputusan ujian.

(*d*) Bayaran hendaklah dibuat dengan secukupnya, iaitu **RM70.00**. Pembayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Kiriman Wang/Wang Pos/Bank Draf atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia** jika permohonan dibuat melalui pos. Cek **tidak** diterima. Bayaran secara tunai hanya boleh dibuat jika permohonan dibuat di kaunter Bahagian Pengendalian STPM dan MUET, Majlis Peperiksaan Malaysia.

(*e*) Hantarkan borang permohonan ini bersama-sama dengan **satu** sampul surat (berukuran 10 cm x 23 cm) beralamat sendiri dan bersetem 60 sen.

(*f*) Jika permohonan dihantar melalui pos, tulis perkataan **SEMAK SEMULA** di penjuru kiri sebelah atas sampul surat.

(*g*) Permohonan hendaklah dialamatkan kepada Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 BATU CAVES, Selangor Darul Ehsan [u.p: Setiausaha Bahagian (Pengendalian STPM dan MUET)] selewat-lewatnya pada **14 Mei 2013.**

(*h*) Status permohonan akan dimaklumkan kepada calon di portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my. Jika status permohonan calon tiada dalam senarai **selepas 7 hari permohonan dihantar**, sila hubungi Majlis Peperiksaan Malaysia **di talian 03-61369663 (u.p. Bahagian Pengendalian STPM dan MUET)** dengan kadar **SEGERA**.

(*i*) Keputusan semak semula akan dimaklumkan di portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my **selepas 18 hari** permohonan rayuan penyemakan semula diterima di Majlis Peperiksaan Malaysia (hari bekerja). Bagi calon yang berubah keputusan keseluruhan, slip keputusan yang baharu akan dihantar kepada calon. Jika keputusan calon tiada dalam senarai, sila hubungi Majlis Peperiksaan Malaysia **di talian 03-61369663 (u.p. Bahagian Pengendalian STPM dan MUET)** dengan kadar **SEGERA**.

2. **BUTIRAN CALON**

(*a*) Nama Penuh : _____

(*b*) Nombor Kad Pengenalan : _____ (seperti dalam keratan keputusan)

(*c*) Nombor Pusat dan Angka Giliran : _____

(*d*) Nama Pusat Tumpang (jika menduduki ujian di pusat lain daripada yang tercatat pada slip MUET/D) _____

(*e*) Alamat surat menyurat : _____

: _____

(*f*) Poskod : _____

(*g*) Nombor Telefon : Rumah: _____ Bimbit: _____

(*h*) Alamat Emel : _____

3. **BAYARAN**

(*a*) Jumlah Bayaran RM _____

(*b*) Nombor Kiriman Wang/Wang Pos/Bank Draf : _____

4. **TANDATANGAN CALON** : _____ Tarikh : _____